

KERATAN AKHBAR

CHINA PRESS

TARIKH: 31 OKTOBER 2019

MUKA SURAT: A3

ZURAIDA: SEKIRANYA ISU RUMAH TIDAK TERJUAL TIDAK DISELESAIKAN MALAYSIA DIANGGAP SEPERTI NEGARA MUNDUR

[KUALA LUMPUR] YB Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri KPKT mengatakan sekiranya isu rumah tidak terjual yang bernilai RM100 bilion tidak diselesaikan, Malaysia akan dianggap seperti negara mundur. Kini kerajaan telah berusaha untuk membendung isu ini seperti pelaksanaan Skim RTO. Dalam awal enam bulan tahun ini, sebanyak 21,000 unit rumah yang bernilai RM13.4 bilion telah berjaya dijual. Skim tersebut telah dilanjutkan sehingga hujung tahun 2019. Tetapi terdapat permintaan orang awam yang meminta kerajaan untuk melanjutkan skim ini sehingga tahun 2020. Ia bertujuan untuk menyelesaikan isu rumah tidak terjual di Malaysia. Beliau turut berkata walaupun Malaysia mengalami isu rumah mewah tidak terjual yang bernilai RM8.3 bilion, tetapi setakat ini kerajaan tidak berhasrat untuk menjual rumah tersebut kepada warga asing. Warga asing boleh membeli rumah di Malaysia berdasarkan nilai ambang yang ditetapkan oleh kerajaan negeri. Selain itu, beliau turut mencadangkan mewujudkan sistem data besar bersepadu untuk memahami situasi perumahan di Malaysia. Ini termasuk lokasi rumah tidak terjual, harga rumah dan sebagainya dan seterusnya menyelesaikan masalah perumahan.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**